

Sepakat selesaikan 1001 masalah

Pemimpin, penduduk dan agensi berkenaan bekerjasama tangani aduan berbangkit



Rajan ketika bertemu salah seorang penduduk.

TELOK PANGLIMA GARANG - Mana-mana taman perumahan lama di Telok Panglima Garang yang mempunyai aduan setempat selepas ini bakal ditangani segera bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) Zon 3, M Rajan berkata, beliau mengesakan penduduk supaya mengambil peduli keadaan sekeliling sekali gus jangan menjadikan alasan tidak menjaga kebersihan disebabkan kawasan perumahan mereka kawasan perumahan lama.

Menurutnya, beliau kesal apabila terdapat enam lokasi sampah haram diwujudkan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk sekitar 10,000 orang sekali gus memberi impak dalam mengundang kes denggi di kawasan itu.

"Saya menerima aduan sejak Jun lalu mengenai pelbagai masalah termasuk keadaan perparitan yang pecah, kemudahan konkrit bermasalah dan pelbagai kemudahan yang perlu diambil berat.

"Keadaan itu, memberi peluang kepada saya menganjurkan Gotong-royong Peduli Rakyat Cegah Denggi dan Banjir

bersama pelbagai pihak termasuk penduduk setempat, anggota bomba, pihak jabatan kesihatan dan MDKL.

"Kami terpaksa menumpukan pembersihan perparitan, sampah pukul, penyenggaraan padang, pembersihan tanaman kontan di sekitar perumahan berkenaan," katanya semalam ketika mengulas mengenai aktiviti Gotong-royong Peduli Rakyat yang berakhir kelmarin.

Rajan berkata, pihaknya mengambil masa tiga hari untuk membersihkan kawasan tumpuan sebagai langkah memelihara kebersihan secara optimum.

Katanya, ia juga berikutan terdapat tiga kes denggi berlaku di kawasan itu selain pihak pejabat kesihatan menjumpai beberapa lokasi yang boleh menyebabkan pembiakan nyamuk aedes.

"Saya harap, aktiviti ini membantu mengurangkan masalah kesihatan daripada terus berlaku sekali gus membantu menangkis tanggapan masyarakat mengenai kawasan perumahan yang terlalu lama menyebabkan berlakunya pelbagai masalah.

"Bagi saya, semua pihak perlu memain-

INFO • Terdapat enam lokasi sampah haram diwujudkan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk sekitar 10,000 orang

kan peranan dalam usaha membanteras isu denggi sekali gus gotong-royong kali ini turut diadakan lebih awal bagi mengelakkan isu banjir berlaku seperti tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu, atas maklumat pihak bomba juga, terdapat 21 pili bomba di Taman Jaya Utama berfungsi selepas kerja-kerja pemantauan dilakukan manakala enam buah pili bomba lagi bakal dibaiki secara berperingkat.

Katanya, usaha memantau pili bomba yang diaktifkan itu juga sebagai langkah persiapan awal sekiranya berlaku kejadian tidak diingini berlaku seperti kebakaran.

Dalam pada itu, Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi turut hadir meninjau perjalanan gotong royong yang diadakan di kawasan itu.

Lokasi food truck pertama di Kuala Langat

JENJARUM - Kewujudan satu-satunya lokasi *food truck* di Kuala Langat kini antara tarikan pengunjung menikmati juadah tanpa perlu bersesak di restoran.

Deretan *food truck* yang terletak di Jenjarum berhadapan Klinik Kesihatan Jenjarum itu dibuka bermula jam 4 petang hingga 11 malam mulai Isnin hingga Sabtu.

Seorang peniaga Takoyaki dan Dimsum, Mohd Zaki Taib, 32, berkata, tidak dinafikan sejak menjalankan perniagaan *food truck* di Food Truck Corner Jenjarum, kebanyakan pelanggan memaklumkan urusan di *food truck* ini mudah dan cepat.

Menurutnya, antara kelebihan yang jarang ditemui di Kuala Langat selain memasihati pengguna memilih *Food Truck* yang menjaga kebersihan.

"Kewujudan *food truck* dengan rekaman unik menarik sebenarnya mampu menarik pelanggan selain berharap



Deretan food truck kini menjadi tumpuan pengunjung sekitar Kuala Langat.

lokasi ini terus menjadi tumpuan pelbagai peringkat umur untuk mendapatkan pelbagai jenis makanan termasuk yang berkonsepkan makanan Barat kerana menawarkan pelbagai jenis makanan dengan rasa enak dan dari segi harga pula, amat berpatutan," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Khairiz Baruti, 37, dia faham kebanyakan pelanggannya akan membeli makanan atau minuman di mana-mana *food truck* asalkan peniaga tersebut menjaga kebersihan

trak dan juga menyediakan makanan halal.

"Bagi saya konsep *food truck* di Food Truck Corner Jenjarum ini antara lokasi yang santai sambil menikmati makanan yang dijual di samping melihat ragam manusia sekeliling.

"Malah saya sendiri menyahut seruan kerajaan mencaburi bidang perniagaan dalam usia muda walaupun dengan menggunakan *food truck*," katanya.

Bagi Peniaga Makanan Barat, Adib Fadhullah Omar, 21, dia antara anak muda yang berharap perniagaan *food truck* dapat menjadi pilihan masyarakat di kawasan Kuala Langat.

Katanya, dia dan peniaga *food truck* yang lain mengambil peluang berniaga dengan menggunakan *food truck* ekoran permintaan pelanggan yang mahukan pembelian makanan dengan cepat dan senang didapati.

"Mungkin kawasan ini kawasan strategik, dan menjadi tumpuan penduduk dan pengguna yang melalui kawasan ini, jadi tak salah mereka memberi sokongan terhadap perniagaan *food truck* yang dibuka disini," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati terdapat enam buah *food truck* di kawasan itu kini menjadi tumpuan pengunjung yang menyediakan pelbagai makanan.

Adun gesa pihak terlibat selesaikan masalah banjir

DENGKIL - Adun Dengkil, Shahrul Mohd Sharif mengesakan pelbagai pihak termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera menyelesaikan permasalahan banjir di beberapa kawasan di Dengkil.

Menurutnya pada sidang Dun, beliau sendiri mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi respons kepada persoalannya mengenai permasalahan banjir di Dengkil dan sejumlah peruntukkan telah diturunkan dan kerja-kerja sedang dilakukan.

"Namun begitu, hujan yang lebat dari Hulu Langat menyebabkan air Sungai Langat naik dan berlaku limpahan ditapak kerja-kerja tersebut Sabtu lalu. Ia telah mengakibatkan air terus masuk ke Taman-Taman Perumahan di sekitar Pekan Dengkil sehingga menyebabkan sejumlah penduduk terpaksa berpindah," katanya yang berharap kejadian yang sama tidak berulang.



Shahrul sempat meninjau permasalahan sebahagian penduduk yang berdepan dengan masalah air naik.